

Sungai dicemari sampah

■ Sisa buangan di bawah jambatan sakitkan mata

Oleh Mohd Hanafis Abdul Haris
am@mediaprima.com.my
Ipoh

Masalah sampah-sarap yang tersumbat di bawah jambatan kecil di Kampung Manjoi, di sini, semakin menyakitkan mata berikutan sikap penduduk berhampiran yang terus membuang sampah ke sungai berkenaan.

Malah, aktiviti pembuangan sampah secara haram itu dilihat semakin serius apabila ada antara individu dipercayai pekerja syarikat pembersihan dan bengkel kenderaan berani membuang sampah terus ke dalam sungai itu.

Lebih membimbangkan lagi, sampah-sarap itu dikhuatiri bakal mencemarkan kebersihan sungai berikutan wujud beberapa takungan minyak hitam dikesan berhampiran pinggir sungai berkenaan.

Seorang penduduk, Khuzaimie Khalid, 24, berkata,

masalah pembuangan sampah secara haram itu sebenarnya berlarutan sejak beberapa tahun

lalu, malah banyak aduan dibuat, namun ia tetap berulang.


“Berkemungkinan, kawasan sungai yang jauh dan terpencil dari laluan orang ramai

menjadi faktor utama ia menjadi ‘port’ pembuangan sampah utama. Walaupun wujudnya jambatan kecil di situ, ia hanya mampu dilalui penunggang motosikal berikutan laluan sempit,” katanya ketika ditemui, di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, selain mampu menjejaskan pemandangan, longgokan sampah itu juga menyebabkan pencemaran alam selepas beberapa kesan hitam di sekitar sungai itu dikesan.

“Jika diteliti dengan baik, ada beberapa kawasan di pinggir sungai kelihatan agak

FAKTA
Syarikat pembersihan,
bengkel kenderaan
buang sampah ke
dalam sungai



LONGGOKAN bungkus sampah-sarap yang dibuang individu tidak bertanggungjawab di sepanjang sungai.

hitam dan kotor. Malah, ada antaranya menjadi kawasan pembiakan aedes.

“Saya bimbang jika masalah ini berlarutan, sungai berkenaan dijadikan tempat pembuangan sampah utama seterusnya mencacatkan reputasi penduduk di sini,” katanya.

Pada masa sama, seorang lagi penduduk, Fatimah Zahar, 35, berkata, dia kecewa dengan sikap tidak bertanggungjawab individu yang sesuka hati membuang sam-

pah walaupun tempat pembuangan sampah disediakan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI).

“Cuma mungkin disebabkan kawasan sungai itu terpinggir menyebabkan mereka yang tidak bertanggungjawab ini cuba mengambil kesempatan

“Walaupun banyak aduan dibuat, mereka yang tidak bertanggungjawab ini dilihat seperti tidak ambil peduli, malah semakin berani membuang sampah sesuka

hati,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Khas Datuk Bandar Ipoh, Shahrizal Azmi berkata, MBI mengambil tindakan berhubung masalah longgokan sampah beberapa bulan lalu, namun masalah itu didapati semakin serius.

“Tindakan segera akan diambil bagi memastikan sungai itu kekal bersih daripada segala kekotoran sampah dan bahan racun. Saya berharap orang ramai lebih prihatin,” katanya.